

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 JANUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 20

ECRL disasar 37 peratus tahun ini

Kerja infrastruktur di empat negeri, proses ambil tanah di Kelantan sudah selesai

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Kerja pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor dijangka mencatat kemajuan sebanyak 37 peratus bagi tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak,

berkata kerja pembinaan infrastruktur itu membabitkan kerja tanah, jambatan dan kerja cerucuk di sepanjang jajaran empat negeri berkenaan.

Katanya, proses pengambilan tanah di Kelantan siap sepenuhnya dengan bantuan Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan.

"Proses pengambilan tanah di Pahang dan Terengganu masih berjalan dan di Selangor pula proses akan dilaksanakan secepat mungkin memandangkan negeri itu baharu sahaja bersetuju menerima Jajaran Utara ECRL pada awal Disember lalu.

"Kerja infrastruktur ini merangkumi kerja tanah, kerja jambatan dan cerucuk di empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang serta Selangor," katanya pada sidang media selepas meng-

hadiri Program 'Mesra ECRL' di Pusat Inovasi Kraf Batik dekat Tunjong, di sini, semalam.

Rangkaian rel sepanjang 665 kilometer (km) yang merangkumi 59 terowong dengan panjang keseluruhan 61km serta beberapa jejambat dengan panjang keseluruhan 127km dianggarkan RM50.27 bilion dan dijadualkan siap pada Disember 2026.

Pembinaan membabitkan Jajaran Seksyen A dari Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu, manakala Seksyen B dari Dungun ke Mentakab, Pahang dan Seksyen C dari Mentakab ke Pelabuhan Klang, Selangor.



Darwis Abdul Razak

Beliau berkata, kerja pembinaan ECRL di Kelantan sudah mencapai kemajuan sebanyak 16.34 peratus membabitkan kerja infrastruktur sehingga Disember tahun lalu merangkumi 18 lokasi di negeri itu.

Sehubungan itu, katanya MRL optimis projek ECRL di Kelantan yang merangkumi jajaran 43.86km akan

siap dibina mengikut jadual pada akhir 2026 dengan kerjasama dan sokongan padu dari kerajaan Kelantan serta maklum balas dan penerimaan positif oleh penduduk setempat.

"Di Kelantan terdapat dua stesen yang akan dibina, iaitu di Tunjong (stesen penumpang) dan

yang kedua di Pasir Puteh (stesen penumpang dan stesen kargo).

"Jumlah tenaga kerja bagi projek ECRL di Kelantan adalah seramai 672 pekerja yang mana 73 peratus terdiri daripada warga tempatan.

"Antara kelebihan lain yang boleh dilihat apabila ECRL ini siap ia akan menjimatkan masa perjalanan penduduk dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur yang hanya mengambil masa empat jam berbanding tujuh jam melalui jalan darat atau 12 jam ketika musim perayaan," katanya.

Mengulas lanjut, Darwis berkata, Program 'Mesra ECRL' yang diadakan selama dua hari di Kelantan bermula semalam adalah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam menyantuni ekonomi setempat, sosial, rakyat dan alam sekitar.